

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 (KR1M2.0) yang akan dibuka di seluruh Sabah mengikut tempat lokasi kedai dan peruntukan diperuntukkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Inisiatif KR1M 2.0 tidak memfokuskan kepada kedai fizikal yang khusus seperti dahulu. KR1M 2.0 telah distrukturkan kepada model perniagaan baharu yang melibatkan kerjasama antara pihak Kerajaan dan rakan kongsi strategik KR1M 2.0. Model perniagaan tersebut terdiri daripada operasi perniagaan kendalian pemilik (*owner-operator*) dan penjenamaan bersama (*co-branding*). Outlet KR1M 2.0 sedang dilaksanakan secara berperingkat dengan melibatkan tiga fasa iaitu:

1. Fasa Pertama - konsep pasaraya iaitu melalui rangkaian pasaraya TMG.

2. Fasa Kedua – konsep pasar mini/kedai serbaneka khususnya di kawasan bandar seperti yang akan dilaksanakan bersama KK Super Mart.
3. Fasa Ketiga - "*sundry shops*" (kedai runcit biasa) yang berdaya maju, yang dilaksana kemudiannya apabila pelaksanaan di Fasa Pertama dan Kedua telah lancar. Pada Fasa Ketiga ini, ia tidak akan dilakukan secara tergesa-gesa kerana melibatkan banyak faktor penting yang perlu dimantapkan terlebih dahulu seperti logistik, operasi, pengangkutan dan pusat pengedaran (DC).